

16 SEP 1997

Shahidan - Pejuang

RAKYAT PERLU CONTOHI KEIKHLASAN PEJUANG KEMERDEKAAN

KANGAR, 16 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata setiap pemimpin dan pegawai kerajaan perlu mencontohi keikhlasan pejuang kemerdekaan yang tidak mengharapkan ganjaran peribadi dalam perjuangan mereka.

Beliau berkata keikhlasan itu membolehkan perjuangan menuntut kemerdekaan yang penuh pelbagai cabaran membuahkan hasil.

"Kini, perjuangan berterusan yang perlu dihadapi ialah untuk mengisi kemerdekaan," katanya pada majlis "Mengenang Jasa Pejuang Kemerdekaan yang diadakan sempena sambutan hari kebangsaan peringkat negeri Perlis. Seramai 300 pejuang kemerdekaan menghadiri majlis itu, yang turut dihadiri Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Menteri Besar berkata generasi selepas merdeka perlu insaf dan menghayati sejarah perjuangan pemimpin lampau yang mempertaruhkan nyawa, wang dan harta benda demi menuntut kemerdekaan.

Terdahulu, semasa berucap mewakili para pejuang kemerdekaan, bekas EXCO Kanan Kerajaan Negeri, Yusof Abu Bakar berkata, kesempitan hidup zaman penjajah membuatkan bangsa Melayu bangkit berjuang menuntut kemerdekaan.

Selain itu, mereka juga begitu bersemangat menyediakan kemudahan asas sendiri seperti membina surau, jambatan dan jalan dengan menggunakan tenaga dan kewangan sendiri.

Sementara itu, Mohamed yang menyampaikan ceramah "Sejarah Kemerdekaan Tanah Air: Sebelum dan Selepas Merdeka" pada majlis itu menggesa generasi zaman merdeka berjuang menyambut cabaran alaf baru dengan semangat baru.

Sebagai contoh, beliau berkata teknologi maklumat yang kini berkembang di seluruh dunia termasuk di negara ini perlu diceburi secara bersungguh-sungguh supaya tidak ketinggalan dalam arus cabaran.

Beliau juga berbangga dengan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengalihkan pandangan dunia ke Malaysia.

"Suatu ketika dahulu, Malaysia dianggap negara yang jauh ketinggalan tetapi kini banyak negara mahu mencontohi dasar-dasar yang dilaksanakan di negara ini," katanya. -- BERNAMA

RIS AD NAK